



**UUM ONLINE:** Malam *Intercultural Night* menyaksikan pertemuan pelajar yang terdiri dari pelbagai negara berkongsi seni kebudayaan masing-masing tanpa mengira agama dan bangsa.

Rata-rata pelajar ini terdiri dari negara Algeria, China, Iraq, Jordan, Libya, Palestine, Arab Saudi, Somalia dan Yaman merangkumi pelbagai bahasa, budaya dan tradisi.

Majlis anjuran Pusat Bahasa ini diadakan khas kepada mereka yang sedang mengikuti kursus intensif Bahasa Inggeris Semester Kedua Sesi 2010/2011 (A102).

Antara lain, aktiviti kebudayaan ini bertujuan membantu para pelajar mempraktikkan apa yang dipelajari di bilik kuliah, selain turut menyediakan peluang bagi mereka berkongsi idea dan percambahan fikiran melalui persembahan perseorangan dan berkumpul dengan medium komunikasi bahasa Inggeris.

Tetamu yang hadir rata-rata terhibur dengan pelbagai persembahan yang ditampilkan oleh pelajar-pelajar ini. Antaranya tarian Timur Tengah yang dipersembahkan oleh pelajar arab, persembahan sketsa yang melucukan, persembahan nyanyian, dan pelbagai lagi.

Selain itu, majlis ini juga dilihat mampu mengeratkan persahabatan antarabangsa dan antara budaya melalui ikatan persaudaraan dan pemahaman.

Habis

=====

DARIPADA:  
SEKSYEN MEDIA  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078  
FAKS: 04-928 3016  
E-MEL: [ukkuum@uum.edu.my](mailto:ukkuum@uum.edu.my)